



Yankee, keluar Venezuela dan Amerika Latin! Imperialisme adalah harimau kertas!

Dengan kebencian kelas yang mendalam, Liga Komunis Antarabangsa mengutuk pencerobohan terhadap negara Venezuela yang dijalankan oleh imperialis Yankee¹ pada 3 Januari 2026. Penyerangan dan pengeboman wilayah Venezuela, serta penculikan haram Presiden Nicolás Maduro oleh Tentera Amerika Syarikat bukan sahaja pencabulan kedaulatan nasional tetapi juga tindakan perang terhadap negara Venezuela dalam pelan-pelan mereka untuk menguasai Amerika Latin. Di hadapan pencerobohan imperialis terhadap Venezeuala dan pengerahan meningkat angkatan tentera mereka di Caribbean (Karibia), kami menyeru kepada seluruh Gerakan Komunis Antarabangsa, gerakan anti-imperialis antarabangsa dan semua proletariat dan rakyat tertindas sedunia untuk membangkit sebuah gerakan kuat terhadap pencerobohan imperialis di Venezuela dan di dunia.

Pengerahan tentera Amerika Syarikat di Caribbean sudah pun terbesar dalam sejarah Amerika Syarikat sejak Perang Teluk (1990-1991).² Amerika Syarikat mengaktifkan semula pangkalan tentera laut *Roosevelt Roads* dari masa "Perang Dingin", di Puerto Rico. Pengerahan besar Armada Keempat dengan kapal-kapal perang, askar-askar, helikopter-helikopter pesawat pengebom B-52, termasuk kapal pengangkut pesawat terbesar di

¹ Bendera Merah: Istilah "Yankee" diguna sini untuk merujuk kepada Kerajaan Amerika Syarikat

² Menurut pengkajian oleh Pusat untuk Penyelidikan Strategik dan Antarabangsa (CSIS)

dunia. Amerika Syarikat sejauh ini telah menyerang 22 kapal di Caribbean dan Pasifik, membunuh di luar bidang kehakiman lebih daripada 80 orang, mencabuli secara terbuka kedaulatan nasional Venezuela, Colombia dan negara-negara Amerika Latin lain, serta undang-undang antarabangsa. Trump mengisytiharkan sekatan laut yang haram atas minyak Venezuela. Menurut Institut Tentera Elcano, inilah kempen tentera pertama dalam perang pencerobohan terhadap Venezuela. Pada 3 Januari, mereka telah mengambil selangkah lanjut dalam pencerobohannya terhadap Venezuela dengan pengeboman ibu kota Caracas dan bahagian-bahagian lain negara serta penculikan Presiden Nicolás Maduro.

Pada 1823, diisytiharkannya Doktrin Monroe, "Amerika untuk Orang Amerika", iaitu sebuah doktrin yang Amerika Syarikat merumuskan dalam pertindihannya dengan kuasa-kuasa Eropah atas hak utama untuk memeras dan menindas Amerika Selatan, Amerika Tengah dan Caribbean, Amerika Latin dijadikan kawasan belakang rumah ("*backyard*") dan tenaga ("*sustenance*") bagi kemunculan Amerika Syarikat sebagai kuasa imperialis pada awal Abad Ke-20. Imperialisme mempromosikan kapitalisme birokratik, berdasarkan latifundium² paling busuk dan hubungan produksi mundur, menjadikan negara-negara di Amerika Latin sebagai tanah-tanah setengah jajahan dengan kemerdekaan politik rasmi, yakni, negara-negara dikuasai imperialisme dari segi ideologi, politik, ekonomi dan tentera, tidak mengira sebanyak manapun kerajaan sendiri mereka ada.

Pada penghujung Abad Ke-20, selepas Perang Dunia II, "Perang Dingin" kononnya dan keruntuhan imperialisme sosial Soviet, Amerika Syarikat, polis kontra-revolusioner dunia, menjadi satu-satunya kuasa super berhegemoni; dan Amerika Latin menjadi pangkalan strategik bagi imperialisme Yankee dalam proses ini, yang ia bergantung kepada untuk mengekalkan penguasaan dunianya. Pada 1992, dengan "Inisiatif Bush untuk Amerika Latin" yang sebegitu dipanggil, imperialisme Yankee mengemukakan garis panduan untuk mendalamkan integrasi benua Amerika dari segi politik, ekonomi dan tentera yang berkhidmat kepada memperkukuhkan hegemoni Yankee di seluruh dunia dan untuk melawan revolusi dan apapun gerakan yang menolak atau menentangnya. Beberapa pelan telah dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pelan besar ataupun strategik ini, seperti Pelan Puebla yang sampai Panama dan Colombia, dan Pelan Colombia yang menempatkan sistem pangkalan tentera, antara pelan-pelan lain yang dilaksanakan di tengah-tengah kontradiksi-kontradiksi runcing dengan negara-negara tertindas di rantau dan kontradiksi-kontradiksi berbeza darjah dengan perkakas-perkakasnya.

Dekad terkini memperlihatkan pendalaman krisis kemerosotan imperialisme Yankee yang tidak pernah berlaku dahulu; hegemoni dunianya sedang menurun dan penjarahan inter-imperialis untuk pembahagian semula dunia meningkat. Inilah apa pentadbiran berturut-turut sejak Obama telah menyifatkan sebagai "strategi baru" pengawalan nasional, yang menyatakan bahawa "zaman perebutan antara kuasa besar sedang bermula". Dalam strategi pengawalan nasional terkini (Disember 2025), ia memberi tumpuan kepada Amerika Latin, mengisytiharkan "Tambahan Trump" kepada Doktrin Monroe, yang membenarkan Amerika Syarikat akses kepada "aset-aset kunci", "lokasi-

² Bendera Merah: Latifundium bermakna golongan yang memiliki tanah secara besar-besaran, boleh digelar sebagai Tuan-Tuan Tanah Besar

lokasi kunci" dan sokongan untuk "rantai bekalan genting" sambil mengisytiharkan keperluan untuk Amerika Latin untuk kekal "bebas daripada pencerobohan asing yang ganas" dan untuk mempunyai kerajaan-kerajaan yang bekerjasama dalam perlawanan terhadap "pengganas narkotik", terhadapnya ia mentakrifkan kemungkinan mengguna "kekerasan berbahaya".

Kekhususan momen sejarah ini adalah peningkatan pencerobohan yang kita melihat di Caribbean dan Amerika Latin tidak terhad kepada penguasaan ini yang terdapat dalam pelan-pelan imperialis untuk penjarahan dan pemerasan negara-negara tertindas. Pada momen ini, ia khususnya tentang meneruskan pemenuhan pelan-pelan berhegemoni imperialisme Yankee yang direncanakan pada 1990-an untuk memperkuat strategi penguasaannya, di benua Amerika dan juga menyelaraskan pelan-pelan ini kepada momen penurunan hegemoni itu dan pendalaman krisis ekonomi, politik dan tentera yang tidak pernah berlaku dahulu, di dalamnya, ia ingin memajukan posisi-posisinya dalam peluncuran kuasanya atas Pasifik dan penyediaan-penyediaannya untuk perang dunia imperialis ketiga.

Imperialisme Yankee juga ingin bertindak balas kepada penurunan serangan kontra-revolusioner umum yang ia memimpin sejak penghujung 1980-an dalam komplotan dengan revisionisme, kerana serangan ini gagal mencapai tujuan jahatnya untuk menghancurkan perang-perang rakyat dan perang-perang pembebasan nasional. Penurunan serangan kontra-revolusioner ini dibuktikan oleh serangan balasan Taufan Al-Aqsa yang cemerlang, yang menjejaskan pelan-pelan imperialisme di rantau, tambahan pula membongkar mitos ketakterkalahkan Zionisme, anak ajaib imperialisme Yankee, di hadapan mata rakyat sedunia. Terpentingnya, kegagalan serangan kontra-revolusioner umum dibuktikan oleh pengekan Perang Rakyat yang gemilang di India, Turki, Peru dan Filipina, yang menghadapi herbanyak-banyak pengepungan yang bertujuan untuk pembasmian dan telah kekal mengangkat tinggi panji Marxisme-Leninisme-Maoisme, musuh utama imperialisme dan reaksi. Hari ini, Amerika Syarikat betul-betul perlu mencegah kebangkitan gerakan anti-imperialis dan golongan revolusioner di Amerika.

Sebaliknya retorik "pengawasan nasional" dan "musuh dalaman" adalah ketakutan akan rakyat, kebangkitan rakyat Amerika Syarikat sendiri, yang menunjukkan potensi revolusi mereka dengan perletupan perjuangan rakyat yang meningkat seperti yang berlaku selepas pembunuhan George Floyd pada 2020, pendudukan pelajar pro-Palestin yang berlawanan, dan pemberontakan terhadap dasar-dasar anti-imigrasi yang dahsyat tahun ini.

Yankee ingin menormalisasikan (membiasakan) pengusiran paksa kekuatan politik, ekonomik dan tentera sebagai sebahagian daripada melaksanakan sistem pangkalan tentera di seluruh benua Amerika dan meletak tentera setiap negara semakin di bawah kawalan dan perintah Markas Selatan Amerika Syarikat. Mereka memulai fasa baru dalam pelan-pelan strategiknya untuk perebutan inter-imperialis bagi mengekalkan hegemoni, membuat tidak berkesan pengaruh kuasa imperialis lain dan menahan pemberontakan rakyat tertindas bertujuan untuk mencegah revolusi. Trump ultra-reaksioner bagi berkhidmat kepada pelan-pelan strategi imperialisme Yankee ini sedang meningkatkan pencerobohan di Amerika Latin.

Gelaran kartel-kartel dadah antarabangsa sebagai pengganas, deklarasi-deklarasi tentang berada dalam “perang terhadap kartel”, tuduhan bahawa presiden-presiden Venezuela dan Colombia adalah penyeludup dadah, dan peras ugut bersentiasa kepada kerajaan-kerajaan di rantau dengan megugat untuk “tidak mengesahkan” (“*decertify*”) mereka sekiranya mereka tidak “bekerjasama dalam perlawanan terhadap penyeludupan dadah” adalah semua tindakan yang sebahagian daripada pelan sistematik untuk menyediakan keadaan psikologi, politik dan legal. Dengan itu, imperialis Yankee ingin memusatkan kuasa mutlak ke dalam presiden—maka mengabaikan kawalan dan kebenaran parlimen dan kehakiman—untuk menyelesaikan pertentangan dalaman antara mafia Parti Demokratik dan Republikan, dan untuk menjanakan pendapat awam di negara bagi membenarkan fasa kemudian perang pencerobohannya dan dalam konteks memenuhi pelan-pelan strategik.

Pencerobohan langsung diarahkan terutamanya terhadap Venezuela. Pada fasa ini, atau kempen tentera pertama, ia dijalankan sebagai tindakan untuk mengepung dengan tentera seluruh negara, menuntut penyerahan tanpa syarat bagi mengenakan kerajaan boneka, menggunakan kuasa berlebihan-lebih untuk menyerang dengan tentera sasaran kecil. Tetapi objektif pencerobohan bukan menggulingkan Maduro semata-mata; ia sebahagian daripada serangan yang lebih luas dalam Amerika Latin dan Caribbean untuk **memajukan** pendudukan Amerika Latin. Ia dapat dibandingkan dengan sistem yang dipasang oleh imperialisme Yankee di Timur Tengah Besar. Di Iraq, selepas mereka melancarkan perang terhadap Saddam “untuk mempertahankan Kuwait” oleh bapa Bush, mereka tidak pernah meninggalkan rantau. Imperialisme Yankee melancarkan perang pencerobohan lain sehingga mereka memasang sistem pangkalan dengan doktrin Obama yang sebegitu dipanggil: pangkalan tentera, tentera yang berfungsi utama untuk mengadakan “kaki atas tanah”, pengangkut pesawat di padang pasir (Israel), askar upahan berbeza bangsa di Iraq, Syria, Iran, dll., tentera perkakas Arab, dan pengerahan angkatan tentera laut, angin dan darat untuk mengarah dan melancarkan perang pencerobohan berbeza jenis dan intensiti (keamatan). Venezuela bukanlah tujuan akhir tetapi alasan dan cara masuk.

Amerika Syarikat telah melanjutkan operasi tenteranya dari Caribbean ke Pasifik dan sudah pun menyerang enam kapal di situ. Trump telah menandatangani—menurut kenyataan sendirinya—kebenaran bagi CIA untuk melancarkan operasi sulit di negara asing, merangkumi pengumpulan informasi rahsia, melatih pasukan pembangkang dan melakukan serangan berbahaya. Akibat utama sejauh sekarang adalah pencerobohan terbuka terhadap Venezuela dan penculikan Presidennya Nicolás Maduro. Latihan ketenteraan bersama Markas Selatan di Panama dan Brazil tahun ini, pengtenteraan meningkat di sempadan Mexico, saranan kerajaan perkakas Petro ke Yankee untuk membentuk “NATO di Amazon”, perlawanan kerajaan perkakas di rantau terhadap jenayah teratur dan perlombongan “haram” kononnya, penjenayahan migran di AS; kesemua ini sebahagian daripada proses pencerobohan dan pendudukan Amerika Latin. Selepas rakyat Ecuador memilih menolak meminda perlembagaan yang melarang penempatan pangkalan tentera asing di negara, Amerika Syarikat, dengan mengabaikan perlembagaan dan referendum, dan dengan sokongan perkakas pengkhianat Noboa,

² Washington Post.

mengerahkan askar-askar Yankee pada 17 Disember ke pangkalan tentera di Manta. Amerika Syarikat juga telah menandatangani perjanjian kerjasama tentera di Paraguay yang juga melibatkan kaki-kaki Yankee atas tanah.

Bagi melaksanakan fasa baru pencerobohan dan pendudukan ini, di tengah-tengah penjarahan imperialis meningkat, Yankee perlu memiliki lagi autoriti mutlak atas tanah-tanah setengah jajahan dan sfera-sfera pengaruh mereka. Untuk melakukan demikian, mereka perlu memperketat kawalan atas perkakas-perkakas sendiri mereka dan menyusun semula Kerajaan negara-negara Amerika Latin, yang mendalamkan status setengah jajahannya. Mereka perlu melambatkan kemajuan perjanjian komersial, ekonomik dan politik China dengan negara-negara Amerika Latin dan memastikan bahawa tanah-tanah setengah jajahan semakin dikuasai Imperialisme Yankee. Inilah sebab campur tangan dalam hal dalaman negara-negara rantau ini juga meningkat, seperti yang telah berlaku dengan pertahanan Bolsonaro (kanan jauh Brazil) oleh Trump dan campur tangan terbuka dalam pilihanraya di Honduras dan Argentina pada November dan penawaran akses kepada penukaran mata wang \$20 bilion untuk tolong menenangkan krisis mata wang Argentina yang tergantung kepada kemenangan parti Millei dalam pilihanraya parlimen. Bagi masa perang yang mula buka, ia perlu mempunyai kawasan pangkalan yang lebih berpusat dan dikawal. Maka, dengan penjarahan meningkat dan penggerakan askar-askar ke pangkalan strategik hegemoni dunianya, ia perlulah membuka lembaran baru dengan lagi intervensi dan campur tangan dalam kerajaan-kerajaan di benua ini.

Ia bukanlah bahawa kerajaan-kerajaan Amerika Latin sekarang menjauhi dasar tradisional dan ekonomi memperhambakan diri ke AS yang mereka telah mengamalkan sebagai perkakas pada abad terdahulu. Walaupun fakta bahawa mereka adalah negeri naungan, dan negeri naungan dengan retorik anti-imperialis yang kosong, mereka semua terus berkhidmat kepada dasar-dasar Yankee. Ini didedahkan, contohnya, dengan seruan Petro untuk Maduro menjualkan negara dia dan memberi kuasa bagi mengelak penyerangan Yankee ataupun seperti didedahkan November yang lalu bahawa semasa perundingan yang selama bulan-bulan dengan pentadbiran Trump yang menawarkan sebahagian majoriti dalam minyak Venezuela dengan menjanji kontrak-kontrak utama kepada syarikat-syarikat AS, menterbalikkan saluran eksport minyak Venezuela dari China ke Amerika Syarikat dan memutuskan kontrak-kontrak tenaga dan perlombongan dengan syarikat-syarikat China, Iran dan Rusia⁵. Ia adalah pentadbiran Trump yang menolak tawaran ini kerana ia berguna untuk mengguna Venezuela sebagai tikus makmal dan kambing hitam bagi memajukan pelan strategiknya.

Meriam-meriam imperialisme Yankee dihalakan kepada rantau dan tindakan-tindakannya adalah tanda kelemahannya. Hegemoni imperialisme Yankee menurun, serangan kontra-revolusioner umum merosot, dan cubaan degilnya untuk menghancurkan revolusi gagal. Ia berada dalam krisis ekonomik dan politik yang mendalam yang merunsingkannya, membuatnya bertindak lebih ganas. Inilah tanda kegagalan doktrin tentera pasca-Perang Dingin. Dalam perkataan Naib Presiden Vance:

⁵ New York Times, <https://www.nytimes.com/2025/10/10/world/americas/maduro-venezuela-us-oil.html>

"Kita telah melawan banyak perang dalam 40 tahun belakangan ini tetapi kita tidak pernah pun memenangi". Momen-momen krisis mendalam dalam sistem imperialis meruncingkan kontradiksi-kontradiksi inter-imperialis dan memerlukan peluasan perang pencerobohan terhadap negara-negara dan rakyat tertindas. Amerika Syarikat dikepung oleh kontradiksi-kontradiksi dalaman yang tidak boleh menyelesaikan diri, mengalami proses penurunan yang panjang, dan setiap dasar untuk mencegah penurunan ini menajamkan kontradiksi-kontradiksinya. **Imperialisme adalah harimau kertas, kita mesti menghabisannya!**

Sekiranya Yankee menganggap rakyat Amerika Latin untuk berduduk diam semasa mereka menyerang rakyat saudara kita dan menduduk wilayah Amerika Latin, ini hanyalah mengohar-ngobarkan revolusi demokratik baharu dengannya mobilisasi anti-imperialis besar termasuk di dalam Amerika Syarikat sendiri seperti ditunjukkan oleh gerakan menyokong Palestin.

Sejarah mengajarkan kita bahawa rakyat yang memperjuangkan kebebasan tidak dapat dihentikan. Jalan penentangan nasional Palestin yang heroik jugalah jalan Amerika Latin. Penentangan ganas yang menghadapi kuasa-kuasa tentera terbesar di Bumi dan hati penentangan anti-imperialis yang bukan sahaja masih berhidup selepas **salah satu genosid-genosid** terbesar masa kita tetapi berdenyut dengan kuat dan telah berdarab di setiap sudut Bumi. Imperialis membayangkan mengepung rakyat tertindas tetapi sebenarnya merekalah yang sebenarnya dikelilingi perjuangan-perjuangan anti-imperialis, perang-perang pembebasan nasional dan perang-perang rakyat.

Imperialisme bergantung kepada agen-agen pribuminya di seluruh Amerika Latin, iaitu tuan-tuan tanah besar ataupun latifundium dan borjuasi besar perkakas, untuk memeras rakyat, terutamanya kelas tani. Maka, pentinglah untuk melawan setengah feudalisme dan menggerakkan kelas tani untuk menjalankan revolusi yang tiada terpisah daripada perjuangan terhadap imperialisme dan kapitalisme birokratik.

Apabila imperialisme menceroboh dan meyerang sebuah negara tertindas, seperti yang berlaku di Venezuela, terdapat perubahan dalam kontradiksi terutama dan tugas kaum komunis adalah untuk berjuang untuk pembentukan barisan bersatu nasional dan penentangan anti-imperialis terhadap pencerobohan asing dan untuk menyatukan semua rakyat dan negara kecuali minoriti pembelot nasional terhadap pencerobohan asing demi mengembangkan perang penentangan nasional terhadap pencerobohan tersebut.

Perang penentangan terhadap imperialisme demi pembebasan nasional adalah sebahagian daripada revolusi demokratik baharu dan hanya menerusi kepimpinan proletariat, melalui Parti Komunisnya, dapatlah menjadi mungkin untuk mengembang sepenuhnya penyapuan bersih tiga gunung: imperialisme, kapitalisme birokratik dan setengah feudalisme.

Kita kaum komunis sedang diserukan untuk memimpin perjuangan terhadap pendudukan Amerika Latin, kita mesti meletakkan diri di barisan hadapan perlawanan anti-imperialis untuk menyatukan dan memimpin golongan anti-imperialis revolusioner. Kita mesti menaikkan gerakan anti-imperialis luas untuk mengutuk pencerobohan imperialis atas Venezuela dan semua Amerika Latin melalui tindakan. Matilah penceroboh!

Pentinglah untuk menentang dasar-dasar kerajaan yang menundukkan dan mendamaikan yang berkuasa di setiap negara. Di hadapan bahaya kapitulasi, proletariat, kelas tani, borjuasi kecil, borjuasi nasional dan kekuatan-kekuatan patriotik lain mesti kekal dalam penentangannya dengan sokongan proletariat dan rakyat sedunia.

Kami menyeru kepada rakyat dan negara Venezuela untuk bersatu dan membangkit menentang pencerobohan imperialis, melalui perjuangan bersenjata dan penentangan nasional: Matilah penceroboh! Yankee, keluar Amerika!

Kami menyeru kepada seluruh proletariat dan rakyat tertindas Amerika Latin dan dunia untuk bersatu terhadap pencerobohan imperialis atas Venezuela, untuk meningkatkan mobilisasi anti-imperialis melalui tindakan terhadap imperialisme.

Imperialisme adalah harimau kertas!

Yankee, keluar Venezuela dan Amerika Latin!

Proletariat dan rakyat tertindas sedunia, bersatu untuk hancurkan imperialisme!

Negara-negara berjuang untuk kemerdekaan, bangsa-bangsa berjuang untuk pembebasan dan rakyat berjuang untuk revolusi!

Rakyat Amerika Latin, marilah kita bangkit dalam gerakan anti-imperialis yang kuat!

Liga Komunis Antarabangsa

3 Januari